

04/11/2003

Terengganu mahu Pak Lah kekal pengerusi

KUALA TERENGGANU: Umno Terengganu meminta Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus mengekalkan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusi Umno negeri, Datuk Idris Jusoh, berkata kepimpinan

Perdana Menteri amat diperlukan untuk menggerakkan jentera parti bagi menawan semula Terengganu daripada pembangkang.

Katanya, sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) semakin pulih hasil kepimpinan Abdullah dan program Gelombang Biru yang dianjurkan mendapat sambutan menggalakkan.

"Kita menyerahkan keputusan itu kepada Pak Lah yang kini mempunyai tugas

lebih besar selepas dilantik sebagai Perdana Menteri dan memangku jawatan

Presiden Umno selepas persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu

"Kita hanya meminta Pak Lah terus mengekalkan jawatan itu kerana hubungannya dengan seluruh rakyat negeri ini termasuk penyokong Pas semakin mesra," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Abdullah dilantik sebagai pengerusi apabila Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad melepaskan jawatan selepas BN tewas pada pilihan raya umum lalu.

Katanya, jika Abdullah terus memegang jawatan pengerusi negeri, sokongan

serta kerjasama pemimpin dan ahli pada peringkat akar umbi akan terus mantap bagi menghadapi pembangkang.

Idris yang juga Pengerusi BN Terengganu berkata, program Gelombang Biru

yang dicetuskan Abdullah berjaya menarik ramai penyokong Pas menyertai Umno dan lebih 10,000 menghadiri program yang diadakan.

"Kita menghormati setiap keputusan Abdullah kerana apa yang lebih penting pemimpin pada peringkat cawangan, bahagian dan negeri bekerja kuat

untuk memastikan BN dapat memerintah semula negeri," katanya.